

Effendi: Akta Domain Awam akan dipinda

UM 3 APR 2001

SERDANG 2 April – Kerajaan akan meminda Akta Domain Awam bagi membolehkan sektor swasta turut mengambil bahagian secara lebih agresif dalam sebarang program penyelidikan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi berkata, pindaan itu juga akan membolehkan pihak swasta mempunyai hak cipta ke atas penyelidikan yang dilakukan bersama MARDI itu.

Menurutnya, akta itu kini sedang dalam tindakan Peguam Negara dan dijangka akan dibentang di Parlimen tidak lama lagi.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke ibu pejabat MARDI di sini, hari ini.

Beliau diminta mengu-

las masalah-masalah yang dihadapi oleh MARDI untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikannya.

Dalam pada itu, Effendi berkata, pihaknya akan meminta kerajaan menambah peruntukan kepada MARDI bagi membolehkan aktiviti penyelidikan di institut itu dipertingkatkan.

“Kita sedang meningkatkan daya saing supaya dapat menarik minat pakar untuk menjadi penyelidik di MARDI,” katanya.

Mengenai usaha menjadikan sektor pertanian sebagai ejen penjana ekonomi negara, beliau berkata, negara memerlukan pelaburan sebanyak RM30 bilion dalam 10 tahun akan datang untuk tujuan itu.

“Daripada jumlah itu, kita harap 70 peratus datangnye dari sektor swasta sama ada dalam bentuk pelaburan atau keusahawanan,” katanya.